



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**RABU 9 OKTOBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI RANCANG KEMPEN BELI, SOKONG PRODUK MALAYSIA, ASTRO AWANI -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI RANCANG KEMPEN BELI, SOKONG PRODUK, NEWS, ASTRO AWANI -7	
3.	MINISTRY PLANNING BUY MALYSIAN PRODUCE CAMPAIGN - SIM, NEWS, THE BORNEO POST -6	
4.	MENUAI PADI BAHARU, UM -ONLINE	
5.	RIBUAN PESAWAH KEDAH, PERLIS RUNSING BENIH PADI BELUM DITERIMA, UM - ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
6.	RIBUAN PESAWAH KEDAH, PERLIS RUNSING BENIH PADI BELUM DITERIMA, DALAM NEGERI, UM -9	
7.	"KAMI CUKUK KECEWA" -PESAWAH, DALAM NEGERI, UM -9	
8.	SKM USAHA TANAMAN POULOWNIA, SASAR RM2.5B, DALAM NEGERI, UM -9	
9.	'ADA PPK BELUM TERIMA BENIH PADI BERSUBSIDI', SINAR NEGERI, SH -34	
10.	MBIC HOPES GOVT INTRODUCES GREEN PROCUREMENT POLICY, BUSINESS, BORNEO POST (KK) -A3	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
11.	MBIC HOPES GOVT INTRODUCES GREEN PROCUREMENT POLICY, BUSINESS, BORNEO POST (KUCHING) -A2	
12.	MSM JUAL TANAH PERTANIAN RM156 JUTA, UM -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/10/2019	ASTRO AWANI	ONLINE	

## Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani rancang kempen beli, sokong produk Malaysia



Sim Tze Tzin menyeru rakyat Malaysia supaya ubah sikap, ubah persepsi dan memilih barangan tempatan. Ini sekali gus dapat merencanakan ekonomi tempatan. - Astro AWANI

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kini merancang satu kempen bagi menggalakkan rakyat Malaysia membeli dan menyokong produk tempatan dalam usaha mengurangkan kos import makanan negara yang tinggi berjumlah RM52 bilion tahun lepas.

Timbalan Menterinya, Sim Tze Tzin berkata sokongan rakyat Malaysia terhadap barangan keluaran tempatan akan mewujudkan satu pasaran yang stabil untuk pengeluar tempatan dan dalam jangka panjang, akan menggalakkan lebih ramai

orang mengeluarkan barangan untuk pasaran tempatan dan eksport.

"Di Malaysia, selalunya kita mengagung-agungkan produk daripada luar negara. Kita harus berbangga dan yakin bahawa produk pertanian Malaysia adalah setaraf atau lebih baik dari luar negara.

"Jika lebih ramai rakyat Malaysia makan produk tempatan, kita akan mempunyai lebih banyak pasaran, dengan itu lebih ramai yang akan mula bercucuk tanam," katanya ketika ditemui pada majlis makan tengah hari yang dihoskan Kedutaan Perancis di sini pada Selasa.

Menjadikan orang Perancis sebagai contoh, Sim berkata beliau dimaklumkan Duta Perancis Frederic Laplanche bahawa mereka malah sanggup membayar antara 15 hingga 20 peratus lebih tinggi daripada harga barangan import bagi menyokong produk tempatan.

"Saya ingin menyeru rakyat Malaysia supaya ubah sikap, ubah persepsi dan memilih barangan tempatan. Ini sekali gus dapat merencanakan ekonomi tempatan," katanya.

Sim berkata dari segi keselamatan makanan, Malaysia ketika ini di tempat kedua di Asia Tenggara, di belakang Singapura.

Beliau berkata Malaysia mengeluarkan produk seperti ayam dan telur yang mencukupi namun pengeluaran produk lain seperti beras dan sayur-sayuran perlu dipertingkatkan.

"Saya tidak faham kenapa kita tidak boleh mengeluarkan (sayur-sayuran seperti) timun. Kita mengimport (timun) bernilai RM100 juta setahun. Sama seperti cili, kita import (sebanyak) RM240 juta setahun namun Malaysia boleh mengeluarkan cili, jadi kenapa kita perlu mengimport cili?" soal beliau.

Sim berkata selama bertahun-tahun Malaysia tidak memfokus kepada pertanian namun sekarang adalah masa untuk melihat sektor itu semula dan menjadikannya hebat kembali.

Beliau turut menggalakkan petani Malaysia meneroka produk pertanian baharu yang boleh menghasilkan sumber kekayaan baharu kepada mereka seperti vanilla yang mempunyai permintaan tinggi di seluruh dunia.

Menurut laporan, harga vanilla gred satu yang diekstrak dari Madagascar, pengeluar terbesar vanilla di dunia, mencecah US\$600 (RM2,516) sekilogram tahun lepas.

Beliau berkata pihaknya akan mengkaji program yang boleh menggalakkan petani muda meneroka tanaman baharu yang berpotensi.

Setakat ini, Sim berkata kementerian itu, antara lain, mengendalikan beberapa kursus untuk mendidik petani berkaitan teknik penanaman.

-- BERNAMA

Headline	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani rancang kempen beli, sokong produk		
MediaTitle	Astro Awani (www.astroawani.com)		
Date	09 Oct 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	4
Order Rank	7	Readership	4
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,200
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,600

## Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani rancang kempen beli, sokong produk

KUALA LUMPUR : Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kini merancang satu kempen bagi menggalakkan rakyat Malaysia membeli dan menyokong produk tempatan dalam usaha mengurangkan kos import makanan negara yang tinggi berjumlah RM52 bilion tahun lepas...

*To read the rest of the article, click [View Full Article](#)*

Headline	Ministry planning buy Malaysian produce campaign — Sim		
MediaTitle	The Borneo Post (www.theborneopost.com)		
Date	09 Oct 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	4
Order Rank	6	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,400
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,200

## Ministry planning buy Malaysian produce campaign — Sim

Its Deputy Minister Sim Tze Tzin said Malaysians' support towards local produce would create a stable market for local producers and, in the long run, would encourage more people to produce local products for local and export markets.

"Most people in Mal...

*To read the rest of the article, click [View Full Article](#)*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/10/2019	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## Menuai padi baharu



Datuk Mohd Sallehuddin Hassan (kanan) dibantu seorang petani mengendalikan jentera menuai padi di Ladang Merdeka Mulong, Kota Bharu, Kelantan hari ini. - UTUSAN ONLINE/AMIR KHALID

KETUA Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan (kanan) dibantu seorang petani mengendalikan jentera menuai padi selepas perasmian Majlis Pengisytiharan Padi Hibrid MARDI (MR 12H) sempena penubuhan MARDI 50 Tahun di Ladang Merdeka Mulong, Kota Bharu, Kelantan, hari ini. - UTUSAN ONLINE/AMIR KHALID

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/10/2019	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## Ribuan pesawah Kedah, Perlis rusing benih padi belum diterima



ALOR SETAR 8 Okt. - Ribuan pesawah di negeri ini dan Perlis rusing apabila benih padi bersubsidi yang sepatutnya telah selesai dihantar oleh pihak terlibat dua minggu lalu, tetapi sehingga kini masih belum diterima.

**MOHD. MUSA KAMIS**

Keadaan itu menyebabkan sebahagian pesawah terbabit terpaksa membeli benih padi tanpa subsidi yang harganya hampir sekali ganda mahal.

Harga benih tanpa subsidi di pasaran adalah antara RM45 hingga RM50 berbanding bersubsidi RM28 hingga RM35 setiap beg muatan 20 kilogram.

Menurut seorang pesawah di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Hutan Kampung yang enggan dikenali, kawasan di situ yang keseluruhan sawah berkeluasan 3,248 hektar adalah antara yang sepatutnya sudah menyemai benih padi.

Katanya, walau bagaimanapun perkara itu bukan sahaja gagal dilakukan malah lebih merunsingkan seramai 1,800 orang pesawah di kawasan tersebut tidak pasti bila masalah ini akan diselesaikan.

"PPK Hutan Kampung termasuk dalam Fasa 1 MADA yang sepatutnya menyemai benih padi bermula 25 September lalu dan berakhir 30 Oktober ini," katanya kepada Utusan Malaysia di sini, hari ini.

Sebelum ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberi jaminan bahawa isu kelewatan 72,000 metrik tan benih padi yang disebabkan masalah syarikat pembekal input pertanian itu, akan dapat diselesaikan minggu lepas.

Pesawah itu seterusnya meminta pihak yang berkaitan agar segera menyelesaikan masalah tersebut kerana boleh menjejaskan pengeluaran musim ini.

Katanya, kos penanaman dijangka turut meningkat sekali gus akan mengurangkan lagi pendapatan para pesawah, meningkatkan padi angin berikutan ramai terpaksa menggunakan benih tidak sah dan penyakit berjangkit di luar musim.

Dalam pada itu, Pengerusi Penyelaras PPK Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Mohd. Musa Kamis berkata, sebahagian daripada 27 PPK di bawah kawasan tersebut belum menerima benih padi.

Katanya yang juga Pengerusi PPK Alor Senibong, kawasannya hanya menerima 300 buah beg benih padi berbanding yang sepatutnya dihantar iaitu 6,000 buah beg.

"Pihak terlibat iaitu pembekal memaklumkan bahawa kuota benih subsidi telah habis dan masih belum sampai. Maka sebab itu, ada pesawah yang membeli benih tanpa subsidi," kata beliau lagi. - UTUSAN ONLINE



# 'Kami cukup kecewa' - Pesawah

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB  
utusanperlis@utusan.com.my

■ ARAU 8 OKT.

**K**AMI cukup kecewa. Itu luahan pesawah selepas benih padi bersubsidi yang sepatutnya sampai minggu lalu seperti dijanjikan pihak bertanggungjawab masih belum dihantar sehingga memberi kesan kepada ribuan petani di negeri ini.



RAZALI SAAD

Luar salah seorang pesawah dari Kampung Sungai Baru, Razali Saad, 54, sampai bila mereka harus menunggu kerana jadual tanaman sepatutnya sudah bermula.

Berikutan itu katanya, terdapat dalam kalangan pesawah terpaksa membeli benih bukan subsidi yang harganya lebih mahal.

"Sepatutnya saya sudah boleh mengusahakan tanaman pada 5 Oktober lalu bagi fasa ketiga. Manakala bagi fasa pertama pada 25 September lalu juga sehingga kini masih belum boleh mengusahakan tanaman.

"Saya harap sangat benih padi ini cepat sampai supaya



SEORANG pesawah hanya mampu merenung ke sawahnya selepas benih padi masih belum tiba di Guar Sanji, Arau, Perlis, semalam.

mereka (pesawah) dapat tanam mengikut jadual ditetapkan. Jika tanaman tidak mengikut jadual ia akan memberi kesan kepada tanaman nanti," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sebelum ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberi jaminan bahawa isu kelewatan 72,000 metrik tan benih padi yang disebab-

kan masalah syarikat pembekal input pertanian itu, akan dapat diselesaikan minggu lepas.

Tambah Razali, hampir 90 peratus pesawah yang mengharapkan benih subsidi tidak dapat mengusahakan tanaman manakala 10 peratus lagi dika-takan mempunyai simpanan benih.

Sementara itu, seorang lagi pesawah dari Kampung

Syed Omar, Batu Pahat, Dimat Khamis, 70, berkata, dia membeli benih lain daripada sebuah kedai kerana benih subsidi yang dijanjikan masih belum sampai.

"Meskipun mahal, namun kami tidak boleh buat apa kerana tanaman perlu dilakukan kalau boleh secepat mungkin kerana sudah melebihi jadual tanaman sepatutnya," katanya.

## SKM usaha tanaman Paulownia, sasar RM2.5b

**SUBANG JAYA 8 Okt.** - Suruhannya Koperasi Malaysia (SKM) menasaskan pendapatan sebanyak RM2.5 bilion menerusi sektor perladangan di bawah Entry Point Project (EPP) menjelang 2020.

Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Nordin Salleh berkata, sasaran itu meliputi projek terbaharu iaitu tanaman balak Revotropix Paulownia yang menjadi sebahagian daripada EPP yang diusahakan oleh gerakan koperasi di seluruh negara.

"Berdasarkan statistik, EPP di bawah sektor perladangan oleh gerakan koperasi telah menyumbang kepada RM1.22 bilion pada tahun lalu dengan tumpuan kepada pembekalan input pertanian, pengurusan ladang, nurseri sawit dan sawit mampam.

"Jumlah ini dijangka akan lebih meningkat jika projek tanaman balak Revotropix Paulownia ini dapat dilaksanakan oleh koperasi," katanya di sini hari ini.

## Ribuan pesawah runsing benih padi belum diterima

**ALOR SETAR 8 Okt.** - Ribuan pesawah di negeri ini dan Perlis runsing apabila benih padi bersubsidi yang sepatutnya telah selesai dihantar oleh pihak terlibat dua minggu lalu, tetapi sehingga kini masih belum diterima.

Keadaan itu menyebabkan sebahagian pesawah terbabit terpaksa membeli benih padi tanpa subsidi yang harganya hampir sekali ganda mahalinya.

Harga benih tanpa subsidi di pasaran adalah antara RM45 dan RM50 berbanding bersubsidi RM28 hingga RM35 setiap beg muatan 20 kilogram.

Menurut seorang pesawah di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Hutang Kampung yang enggan dikenali, kawasan di situ yang keseluruhan sawah berkeluasan 3,248 hektar adalah antara yang sepatutnya sudah menyemai benih padi.

Katanya, walau bagaimanapun perkara itu bukan sahaja gagal dilakukan malah lebih merusinkingkan seramai 1,800 orang pesawah di kawasan terse-

but tidak pasti bila masalah ini akan diselesaikan.

"PPK Hutang Kampung termasuk dalam Fasa 1 MADA (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda) yang sepatutnya menyemai benih padi bermula 25 September lalu dan berakhir 30 Oktober ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sebelum ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberi jaminan bahawa isu kelewatan 72,000 metrik tan benih padi yang disebabkan masalah syarikat pembekal input pertanian itu, akan dapat diselesaikan minggu lepas.

Pesawah itu seterusnya meminta pihak yang berkaitan agar segera menyelesaikan masalah tersebut kerana boleh menjejaskan pengeluaran musim ini.

Katanya, kos penanaman dijangka turut meningkat sekali gus akan mengurangkan lagi pendapatan para pesawah.

**Harga daripada RM624,910\***  
\*Selepas 10% bumi dikecualikan.

Lot Burniputera | Sedia Didiami | Rumah Teres 2 Tingkat | 24' x 80'

Seremban Two Holdings Sdn Bhd (36748844)  
1800 222 456 seremban2.ijmland.com

**IJM LAND**



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/10/2019	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI	34

## 'Ada PPK belum terima benih padi bersubsidi'

**ALOR SETAR** - Beberapa kawasan pertubuhan peladang kawasan (PPK) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) didapati masih tidak menerima benih padi bersubsidi daripada pembekal.

Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras PPK Mada, Mohd Musa Kamis berkata, pihaknya sedia maklum mengenai perkara itu terutama di PPK Tajar dan PPK Alor Senibong apabila ada petani yang terpaksa membeli benih tanpa subsidi.

Menurutnya, petani terpaksa mengambil alternatif berkenaan kerana tidak mahu terlewat menanam padi pada musim ini.

"Petani sukar mendapat bekalan air

jika terlewat selain tanaman mudah mendapat serangan penyakit.

"Petani terpaksa beli benih padi walaupun harganya lebih mahal," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Mohd Musa berkata, beliau bagaimanapun tidak boleh mengesahkan jumlah petani yang terjejas tetapi terdapat 27 PPK kawasan Mada yang masih belum menerima benih padi itu.

Katanya, masalah berkenaan mungkin disebabkan pembekal seperti MADACorp belum menerima kuota tambahan yang menyebabkan benih padi tidak dapat dijual.



Headline	MBIC hopes govt introduces green procurement policy		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	09 Oct 2019	Color	Black/white
Section	Business	Circulation	18,290
Page No	A3	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	233 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 650
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,949



# MBIC hopes govt introduces green procurement policy

**KUALA LUMPUR:** Malaysia Biomass Industries Confederation (MBIC) hopes the government can come out with green procurement policy which focuses on the total support of local green products supply chain and ventures, said its president Datuk Leong Kin Mun.

"The government should unlock the potential of green procurement opportunity in Malaysia, for example between the government sector and listed companies.

"This will create a green market transformation for the whole of Malaysia and it's a good move as the government has recognised the important role that biomass resource can contribute to the triple bottom line of sustainable development agenda for our nation," he told Bernama.



**Datuk Leong Kin Mun**

This is important to ensure market access to all the green products produced in the country.

Malaysia's biomass industry he said has the highest potential to mobilise and drive the circular economy agenda in the country, with the agriculture sector alone generates more than 80 million tonnes of wet biomass annually, primarily from the oil

palm sector.

"These biomass wastes, among others come in the form of empty fruits bunches, mill effluents, oil palm trunks, municipal waste and palm pellets.

"With the deployment of appropriate technologies and suitable business models, our biomass resources can be utilised as feedstock for the generation of bio-energy, production of bio-based polymers and eco-products," he said.

Meanwhile, an eminent fellow at Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Tan Sri Ahmad Zaharudin Idrus hoped the government would allocate more funds to the research and development (R&D) and give grants to industries in the upcoming 2020 Budget, as these are catalysts to grow the bio-economy.

"To move forward, we should harness R&D institution, MARDI, SIRIM, PORIM, create an inventory of resources or new resources, think global, set a new vision of bio-economy, which incorporates, not only the bio aspects, but also the industrial revolution 4.0, ICT, modern agriculture and large scale food industry.

"This is because if you want to create a bigger economy, you got to think in terms of large scale production, not just producing small and we should revise the economy upscale," he added.

Ahmad Zaharudin said the government need to set a commitment and make a statement to drive the bio-economy forward and encourages the businesses to do more. — Bernama

Headline	MBIC hopes govt introduces green procurement policy		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	09 Oct 2019	Color	Black/white
Section	Business	Circulation	60,767
Page No	A2	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	238 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,623
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,868



# MBIC hopes govt introduces green procurement policy

**KUALA LUMPUR:** Malaysia Biomass Industries Confederation (MBIC) hopes the government can come out with green procurement policy which focuses on the total support of local green products supply chain and ventures, said its president Datuk Leong Kin Mun.

"The government should unlock the potential of green procurement opportunity in Malaysia, for example between the government sector and listed companies.

"This will create a green market transformation for the whole of Malaysia and it's a good move as the government has recognised the important role that biomass resource can contribute to the triple bottom line of sustainable development agenda for our nation," he told Bernama.



**Datuk Leong Kin Mun**

"This is important to ensure market access to all the green products produced in the country.

Malaysia's biomass industry he said has the highest potential to mobilise and drive the circular economy agenda in the country, with the agriculture sector alone generates more than 80 million tonnes of wet biomass annually, primarily from the oil

palm sector.

"These biomass wastes, among others come in the form of empty fruits bunches, mill effluents, oil palm trunks, municipal waste and palm pellets.

"With the deployment of appropriate technologies and suitable business models, our biomass resources can be utilised as feedstock for the generation of bio-energy, production of bio-based polymers and eco-products," he said.

Meanwhile, an eminent fellow at Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Tan Sri Ahmad Zaharudin Idrus hoped the government would allocate more funds to the research and development (R&D) and give grants to industries in the upcoming 2020 Budget, as these are catalysts to grow the bio-economy.

"To move forward, we should harness R&D institution, MARDI, SIRIM, PORIM, create an inventory of resources or new resources, think global, set a new vision of bio-economy, which incorporates, not only the bio aspects, but also the industrial revolution 4.0, ICT, modern agriculture and large scale food industry.

"This is because if you want to create a bigger economy, you got to think in terms of large scale production, not just producing small and we should revise the economy upscale," he added.

Ahmad Zaharudin said the government need to set a commitment and make a statement to drive the bio-economy forward and encourages the businesses to do more. --- Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/10/2019	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## MSM jual tanah pertanian RM156 juta



KUALA LUMPUR 8 Okt. - MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) menandatangani Perjanjian Jual & Beli (SPA) bersama F&N Agrivalley Sdn. Bhd. (dahulu dikenali sebagai Rimba Perkasa Sdn. Bhd.) bagi melupuskan tanah pertanian seluas 4,453.92 hektar di Chuping, Perlis bernilai RM156 juta.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Datuk Khairil Anuar Aziz Fraser & Neave Holdings Bhd (F&N), yang juga merupakan pemilik sepenuhnya F&N Agrivalley, adalah antara pengeluar makanan dan minuman antarabangsa terkemuka di rantau ini.

Hasil daripada pelupusan akan diguna pakai bagi pembayaran semula pinjaman bank serta untuk tujuan modal kerja MSM dan anak-anak syarikat (Kumpulan).

Pelupusan tanah tersebut yang dimiliki oleh anak syarikat MSM, MSM Perlis Sdn. Bhd. (MSM Perlis), adalah sejajar dengan pelan Kumpulan ke arah merasionalisasikan aset di samping memberi fokus kepada perniagaan teras. Ini turut memperkukuhkan lagi kunci kira-kira Kumpulan di mana jumlah hutang akan berkurangan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Datuk Khairil Anuar Aziz berkata, MSM terus memberi fokus dalam mencipta dan menghasilkan nilai dalam kepakaran teras.

"Bagi mencapai matlamat tersebut, kami akan terus melupuskan aset-aset bukan teras bagi memberikan nilai dan memastikan sumber kewangan dan pengurusan komited dengan perniagaan teras kami," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Pada masa ini, tanah tersebut digunakan untuk tanaman getah, kelapa sawit dan mangga.

F&N Agrivalley bercadang untuk memanfaatkan tanah tersebut bagi tujuan penternakan lembu tenusu dan lain-lain aktiviti yang berkaitan.

Proses pelupusan tanah dijalankan secara tender terbuka yang bermula pada Januari 2019.

Menurut Khairil Anuar, keseluruhan proses dijalankan secara telus dan mempunyai tujuan yang jelas dari awal lagi di mana pelupusan tersebut akan memberi manfaat dari aspek nilai komersial dan nilai sosial, bukan sahaja kepada MSM tetapi kepada kerajaan negeri Perlis serta komuniti setempat.

"Walaupun harga jualan tanah adalah 18 peratus kurang daripada nilai pasaran, Ahli Lembaga Pengarah MSM percaya bahawa pelupusan tersebut akan memberi kebaikan kepada Kumpulan memandangkan jumlah hasil daripada tanah tersebut adalah kecil tetapi memerlukan komitmen kewangan yang tidak mapan berikutan kos operasi yang tinggi bagi menguruskan aktiviti perladangan," katanya. - UTUSAN ONLINE